

TEKS UCAPAN
YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP HARI INOVASI POLITEKNIK PORT
DICKSON SESI DISEMBER 2015**

**DEWAN KULIAH 5, KOMPLEKS AKADEMIK, POLITEKNIK PORT
DICKSON, NEGERI SEMBILAN
29 MAC 2016 (SELASA)**

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

YBRS. MEJAR (K) TUAN HAJI MOHD KHAIRI BIN MOHD IBRAHIM
Pengarah Politeknik Port Dickson

YBRS. PUAN YUSMA BINTI YUSOF
Timbalan Pengarah Akademik, Politeknik Port Dickson

YBRS. ENCIK MOHD ASRI BIN SARBUN
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Politeknik Port Dickson

Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Program dan Unit, Para Pensyarah, Para Pelajar, Tuan-tuan, Puan-puan, Saudara dan Saudari yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah bersyukur kita panjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, maka kita dapat bersama-sama berada di dalam dewan ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Penutup Hari Inovasi Politeknik Port Dickson Sesi Disember 2015**. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Penganjur iaitu Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Politeknik Port Dickson atas kesudian mengundang saya untuk bersama-sama dalam majlis yang amat bermakna ini.

2. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Politeknik Port Dickson dan Ahli Jawatankuasa Penganjur atas komitmen dan usaha yang telah diberikan dalam memastikan **Program Hari Inovasi Politeknik Port Dickson bagi Sesi Disember 2015** terlaksana dengan jayanya. Program yang telah berlangsung seawal pagi tadi merupakan satu inisiatif murni oleh Politeknik Port Dickson bagi mengalakkan serta mendedahkan para pelajar di sini amnya dan mahasiswa-mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi khususnya tentang peri pentingnya penyelidikan dan inovasi. Saya juga percaya melalui program seumpama ini, ianya mampu untuk memberikan ruang dan peluang kepada para pelajar dan pencipta untuk mengetengahkan hasil-hasil penciptaan dan inovasi mereka.

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin sekalian,

3. Rakyat Malaysia terutamanya golongan generasi muda serta di peringkat akar umbi perlu dimaklumkan berkenaan kepentingan inovasi dan kreativiti demi memastikan pembudayaan inovasi dan kreativiti dapat diamalkan pada setiap hari. Ini bertepatan dengan prinsip 1Malaysia yang mana setiap rakyat Malaysia adalah merupakan modal insan yang berpotensi untuk memberi sumbangan yang bermakna kepada negara kita. Justeru, pemupukan budaya kreativiti dan inovasi ini perlu diberi penekanan sewajarnya dalam memastikan potensi masing-masing berada pada tahap yang optimum untuk menyumbang terhadap pembangunan Malaysia.

4. Dalam usaha untuk merancakkan program-program inovasi di Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah diberi mandat sebagai peneraju utama dalam menjayakan program-program yang telah diatur dengan teliti. MOSTI merupakan salah sebuah Kementerian yang memikul tanggungjawab besar dalam menentukan hala tuju negara demi merealisasikan usaha untuk menyuburkan budaya inovatif dan kreativiti di kalangan rakyat Malaysia. MOSTI amat mengalu-alukan serta menggalakkan penglibatan yang menyeluruh daripada Institusi-Institusi Penyelidikan dan Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta termasuk Politeknik supaya bekerjasama dalam menganjurkan program-program berbentuk inovasi dan kreativiti.

Tuan-tuan, puan-puan, para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Saya melihat program-program sebegini perlu diperbanyakkan lagi demi menyahut hasrat dan matlamat Kerajaan untuk menyuburkan lagi budaya inovasi dan kreativiti di kalangan masyarakat terutamanya generasi muda. Program seumpama ini juga boleh dijadikan sebagai salah satu platform untuk menyuburkan pembudayaan inovasi dan kreativiti di kalangan para pelajar di Malaysia. Syabas saya ucapkan sekali lagi kepada Politeknik Port Dickson kerana telah berjaya melaksanakan dan menjayakan program yang amat baik ini yang seharusnya dijadikan sebagai program yang wajib untuk diadakan pada setiap semester.

6. Saya telah difahamkan bahawa penyertaan bagi program ini turut disertai oleh para pelajar dari setiap Jabatan Akademik bagi mempamerkan produk-produk yang telah dihasilkan melalui penyelidikan Jabatan masing-masing. Selain itu, aktiviti Pertandingan Poster sempena sambutan Politeknik Port Dickson Jubli Perak 25 tahun juga telah diadakan. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua Jawatankuasa yang telah berjaya untuk mengumpulkan produk-produk dan idea untuk dipertandingkan.

Para hadirin sekalian,

7. Saya amat berkeyakinan bahawa melalui sambutan yang diterima bagi pameran produk yang dipertandingkan dalam Hari Inovasi Politeknik Port Dickson ini telah membuktikan peranan yang amat signifikan bagi sesebuah Institusi Pengajian Tinggi khususnya Politeknik untuk menggalakkan budaya penyelidikan, inovasi dan kreativiti di kalangan para pelajar. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru supaya program dan aktiviti seumpama ini perlu diberi peluang untuk dianjurkan kepada para pelajar dalam membudayakan inovasi dan kreativiti kepada golongan generasi muda.

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung tahniah kepada para pemenang yang bakal diumumkan sebentar nanti. Semoga hasil ciptaan

inovasi dan kreatif ini akan dapat memberikan manfaat yang sebaiknya kepada masyarakat dan negara. Kepada yang tidak berjaya, diharapkan agar tidak berputus asa dan berhenti di peringkat ini sahaja. Perteingkatkan lagi usaha dan selamilah budaya penciptaan, inovasi dan kreativiti yang sedia ada ke tahap yang seterusnya.

9. Saya amat berharap agar pihak Pengurusan dan Bahagian Penyelidikan & Inovasi Politeknik Port Dickson serta Jawatankuasa Pelaksana Program Hari Inovasi Politeknik Port Dickson Sesi Disember 2015 untuk meneruskan usaha murni ini. Semoga lebih banyak produk yang akan dapat dipamerkan dan dipertandingkan dalam program-program sebegini pada masa hadapan demi menyuburkan lagi budaya inovasi dan kreativiti di kalangan generasi muda untuk memacu kejayaan negara dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI).

10. Maka dengan itu, dengan lafaz “**Bismillahirrahmannirahhim**”, saya dengan ini merasmikan **Majlis Perasmian Penutup Hari Inovasi Politeknik Port Dickson Sesi Disember 2015**.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.